

20/08/2000

Gerakan sokong hak keistimewaan Melayu

GEORGETOWN: Parti Gerakan akan terus menyokong dasar kerajaan sedia ada serta menyokong hak dan keistimewaan orang Melayu seperti tercatat dalam Perlembagaan Persekutuan.

Presidennya, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik, berkata parti itu tidak akan mempersoalkan hak dan keistimewaan itu, kerana Gerakan sudah bekerjasama begitu lama dalam kerajaan.

"Saya rasa ketika ini bukan masanya membangkitkan isu sensitif. Sehubungan itu, saya menggesa semua pihak menghentikannya segera demi menjaga keamanan negara sebelum keadaan menjadi bertambah buruk," katanya ketika mengulas mengenai tuntutan Jawatankuasa Rayuan Pilihan Raya Persatuan Cina Malaysia (Suqiu) yang antara lain mahu memansuhkan perbezaan antara Bumiputera dan bukan Bumiputera dalam semua bidang.

"Pengenalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) 1970-1990 serta beberapa dasar lain yang selaras dengannya banyak membantu mengukuhkan perpaduan rakyat negara ini dan ia patut disokong," katanya dalam sidang akhbar selepas merasmikan Pusat Khidmat Gerakan Bayan Lepas, di Sungai Tiram, di sini semalam.

Turut hadir di majlis itu, Setiausaha Agung Gerakan, Chia Kwang Chye, Pengerusi Pergerakan Wanita, Datuk Kee Phaik Cheen dan Ketua Pemuda Gerakan, Teng Chang Yeow dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bayan Lepas, Lim Chien Aun.

Beliau berkata, pengenalan kepada DEB yang mempunyai serampang dua mata iaitu menyusun semula masyarakat serta membasmi kemiskinan membawa banyak kebaikan terutama dalam keutuhan perpaduan dan kestabilan politik.

"DEB terbukti berkesan dengan dapat membesarkan kek ekonomi sedia ada dan semua pihak dapat menikmatinya tanpa rasa tertinggal serta berkongsi dengan kaum lain," katanya.

Beliau berkata, keberkesanan DEB dapat dilihat ketika krisis ekonomi yang melanda negara dua tahun lalu, rakyat negara ini masih dapat hidup bersama tanpa rasa gelisah dan iri hati terhadap kaum lain.

"Namun negara jiran kita Indonesia menghadapi ketegangan kaum, kita sedih dengan keadaan itu. Oleh itu, kita harus terus belajar daripada keadaan yang berlaku.

"Ketika saya di Indonesia Mei lalu, menyertai delegasi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pemimpin di sana (Indonesia) mahu mengetahui dan mempelajari cara kita mengekalkan perpaduan kaum melalui dasar ekonomi.

"Saya amat berbangga dapat menyampaikan itu (pengalaman Malaysia) dan mereka mahu belajar apa yang kita ada khususnya DEB yang dapat menyediakan peluang sama kepada rakyat membabitkan tiga kaum utama," katanya.

Bagaimanapun, katanya, beliau kesal rakyat negara ini sendiri membahaskan perkara sensitif secara terbuka sedangkan orang lain menjadikan Malaysia sebagai contoh yang perlu teladani.

Sehubungan itu, beliau bagi pihak Gerakan, menggesa semua pihak terbabit agar segera menghentikan perbahasan secara terbuka membabitkan isu sensitif.

"Negara kini sedang menghadapi tekanan berhubung golongan yang menimbulkan isu seperti agama dan perkauman secara berleluasa. Oleh itu, tidak wajar perkara sensitif seperti itu dibangkitkan lagi," katanya.

(END)